

Saringan kesihatan Perkeso dapati 73 peratus gemuk, 62 peratus kolesterol tinggi

# Ramai pekerja Malaysia obes, sakit

**KUALA LUMPUR** – Kesihatan pekerja di negara ini berada pada tahap membimbangkan dengan sebahagian besar mereka mengalami masalah kesihatan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd. Muttalib (**gambar kecil**) berkata, maklumat itu diperolehi daripada Program Saringan Kesihatan yang dijalankan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Menurut beliau, berdasarkan statistik, sebanyak 73 peratus daripada pencarum Perkeso yang menjalani saringan kesihatan mempunyai masalah berat badan, kencing manis (sembilan peratus), tekanan darah tinggi (27 peratus) dan kadar kolesterol tinggi (62 peratus).

“Statistik itu menunjukkan kurangnya kesedaran dalam kalangan pekerja khususnya pencarum Perkeso dalam penjagaan kesihatan.

“Kesedaran mengenai penjagaan kesihatan amat penting bagi memastikan pekerja kekal sihat untuk bekerja dan menyumbang kepada organisasi dan keluarga,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri-



PESERTA larian memulakan acara program Run and Ride Perkeso di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur semalam.



OBES merupakan masalah kesihatan yang membimbangkan dalam kalangan pekerja rakyat Malaysia. – Gambar hiasan

ri program Run and Ride Perkeso serta menyempurnakan majlis prapelancongan Hari Pekerja 2017

di sini semalam.

Pada majlis itu, lebih 5,000 peserta menyertai Run and Ride

## INFO Masalah Saringan Pemeriksaan Kesihatan Perkeso

- 73 peratus obes
- 62 peratus kolesterol tinggi
- 27 peratus tekanan darah tinggi
- 9 peratus kencing manis

Perkeso yang turut disertai oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Adenan Ab. Rahman; Pengerusi Lembaga Perkeso, Datuk Abu Huraira Abu Yazid dan Ketua Pegawai Eksekutif Perkeso, Datuk Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Ismail memberitahu, pelbagai usaha dilakukan untuk menggalakkan pekerja mengamalkan gaya hidup sihat, namun ia adalah tugas mencabar memandangkan mereka kurang kesedaran untuk menjaga kesihatan.

Dalam pada itu, Ismail berkata, sambutan Hari Pekerja tahun ini akan diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Sambutan ini adalah suatu pengiktirafan kepada sumbangan golongan pekerja kepada pembangunan negara dan penghargaan kepada majikan yang menyumbang ke arah masyarakat yang produktif, bermaklumat, berdisiplin serta responsif.

“Justeru, sebanyak sembilan kategori Anugerah Hari Pekerja akan turut disampaikan semasa sambutan tersebut,” ujarnya.

## INFO Perkeso

### Perkeso

Objektif penubuhan untuk memberi perlindungan keselamatan sosial melalui insurans sosial termasuk faedah perubatan dan kewangan kepada pekerja dan ahli keluarga pekerja

### Jumlah pencarum

6.8 juta orang

### Jumlah pencarum

### Program Saringan Kesihatan Percuma

- Diumumkan di bawah Bajet 2013 dan khusus diberikan kepada pekerja sektor swasta yang berumur melebihi 40 tahun
- Pemeriksaan kesihatan meliputi mengesan penyakit seperti tekanan darah tinggi, kencing manis, kolesterol, kanser dan penyakit jantung
- Ia termasuk pemeriksaan fizikal, profil darah dan ujian air kencing
- Bagi kaum wanita pemeriksaan tambahan melibatkan ujian pap smear dan mamogram
- Pemberian baucar adalah berterusan kerana mereka yang mencapai umur 40 tahun layak menerima baucar tersebut

### Jumlah baucar Program Saringan Kesihatan Percuma dikeluarkan

2013 – 1.9 juta  
2014 – 2.0 juta  
2015 – 2.2 juta  
2016 – 2.4 juta